

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI PELAJAR: MASMED UiTM CAWANGAN SARAWAK

Penulis: Noor Emma Shamsuddin, Agnes Kanyan, Pressca Negin,
Siti Farah Lajim, dan Dr. Yusman Yacob

Program Pembangunan Kapasiti Pelajar iaitu hasil kolaborasi UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dan Prudential Malaysia telah berjaya diadakan pada 10 Mei 2025, iaitu pada hari Sabtu, bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 12.00 tengahari.



Sesi ceramah Program Pembangunan Kapasiti Pelajar

Program ini telah disertai oleh seramai 205 orang yang terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus *Business Communication* (MGT269) dan *Human Resource Management* (MGT340). Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar dengan memberikan mereka nasihat serta panduan langsung berkenaan teknik temuduga berkesan dan penulisan resume yang menarik dan professional.

Encik Richard Stephenson, yang merupakan jurulatih, tenaga pengajar dan usahawan yang diperakui dari Prudential Malaysia telah dijemput sebagai penceramah jemputan. Terdapat dua perkongsian utama dari penceramah tersebut. Perkongsian pertama memfokuskan kepada topik Resume, Cover Letter and Criteria for Selection, di mana Encik Richard Stephenson berkongsi tentang cara menulis resume dan surat permohonan kerja yang berkesan serta kriteria-kriteria yang dicari oleh majikan ketika memilih calon pekerja.

Perkongsian kedua pula memberi tumpuan kepada topik *Interviewing and Following Up*, di mana pelajar didedahkan kepada teknik-teknik menghadiri temuduga dengan yakin, jenis-jenis soalan yang mungkin ditanya, serta cara yang betul untuk membuat susulan selepas temuduga bagi meninggalkan kesan yang baik kepada majikan.



Poster hebahan program

Dengan adanya program sebegini, adalah diharapkan dapat membantu pelajar menarik perhatian majikan dan meningkatkan peluang mereka untuk mendapat pekerjaan. Selain dari itu, para pelajar juga dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka dalam aspek komunikasi perniagaan dan pengurusan sumber manusia. Pengetahuan ini bukan sahaja akan membantu mereka dalam mendapatkan pekerjaan yang diingini selepas tamat pengajian, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dalam dunia kerja yang sebenar.